



1. **PEREKA TINGKAT I**
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Seni Reka dan Seni Lukis / Seni Halus / Reka Bentuk Grafik / Reka Bentuk Dalaman atau bidang bersesuaian.

- b) **TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Seni Reka dan Seni Lukis / Seni Halus / Reka Bentuk Grafik / Reka Bentuk Dalaman atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pereka Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta mempunyai Pengalaman yang terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan / atau seni lukis.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEREKA TINGKAT I:

Secara Am

1. Mengendalikan projek-projek hiasan dalaman, dari peringkat awal rekabentuk '*sketch design*', rekabentuk terperinci, lukisan kerja hingga ke peringkat tawaran [*tender*] mengikut prosedur-prosedur.
2. Memastikan projek yang di bawah jagaan berjalan dengan teratur.
3. Sentiasa memastikan hasil kerja dan perkhidmatan mencapai mutu yang paling tinggi dan menepati "dateline".
4. Mendorong dan menggalakkan kreativiti dan inovasi sebagai satu perkara yang penting bagi menghasilkan rekabentuk/kerja yang bermutu.
5. Melakukan audit dalaman ke atas projek-projek dan proses-proses di dalam sistem pengurusan kualiti.
6. Membantu Pereka Kanan dalam semua hal rekabentuk.
7. Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

DI JABATAN KERJA RAYA

1. Melaksanakan projek-projek kerajaan dari peringkat kajian, kemungkinan, rekabentuk, tawaran, pembinaan sehingga penyiapan mengikut keperluan klien, tidak melebihi peruntukan, dalam waktu yang ditetapkan dan kualiti yang bersesuaian.
2. Sebagai Pegawai Projek dalam melaksanakan projek projek kerajaan seperti yang diarahkan.
3. Melaksanakan projek mengikut pertauran peraturan yang ditetapkan seperti Panduan Pentadbiran Kontrak JKR, Peraturan Kewangan, Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan Peraturan Perkhidmatan.



4. Mengawas, memantau dan menyelaras kerja kerja penyediaan lukisan yang dibuat oleh kakitangan di bawah jagaannya.
5. Menyediakan cadangan rekabentuk preliminary (hiasan dalaman, grafik, ruang pameran) dan lanjutan untuk pengesahan klien.
6. Memberi taklimat kepada klien mengenai cadangan rekabentuk (hiasan dalaman, grafik, ruang pameran) untuk pengesahan awal dan terakhir sebelum projek di tawarkan.
7. Mengawas dan mengadakan pemeriksaan projek semasa peringkat Pembinaan.
8. Menyediakan maklum balas dan menjawab semua persuratan projek bila atau jika diperlukan.
9. Menilai, memantau dan melaporkan kemajuan projek kepada Ketua Bahagian.
10. Mengadakan mesyuarat kemajuan projek setiap bulan, mesyuarat teknikal dan mesyuarat penyelarasan bila dan jika diperlukan.
11. Melaksanakan apa jua tugas lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Bahagian.